




BSN

BULETIN BSJ

EDISI 01 / 22



1300-88-1900

www.bsn.com.my



BSNMalaysia



Aktiviti sepanjang Suku Tahun Pertama (JAN – APRIL 2022)



Program BSJ Insentif BSN

Cabaran Media Sosial: Jan – April 2022

Kempen ‘**Cabaran Media Sosial**’ merupakan salah satu aktiviti tahunan dalam ‘Program Insentif BSJ’. Aktiviti ini terbuka kepada semua murid sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan juga kepada semua pelanggan ‘BSN Smart Junior’ (BSJ) dan ‘Skim Galakan Simpanan Pelajar’ (SGSP) baharu dan sedia ada yang berumur antara tujuh (7) hingga 20 tahun.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:

1. Carian Perkataan (Word Search) – **19 Feb 2022 – 28 Feb 2022**
2. Cari Perbezaan (Spot the Difference) – **1 Mac 2022 – 15 Mac 2022**
3. Cabaran Video (Mengapa saya memilih BSN sebagai Akaun Simpanan) – **16 Mac 2022 – 15 April 2022**



Pengumuman Pemenang

- Sila imbas kod QR atau klik link disini

[Senarai Pemenang](#)

bagi melihat senarai pemenang Cabaran Media Sosial.



Penerima Insentif Bulanan Kategori Sekolah

- Sila imbas kod QR atau klik link disini

[Senarai Penerima Insentif](#)

bagi melihat senarai penerima insentif bulanan.

AYUH SERTAI KELUARGA BESAR BSN DENGAN 'PROGRAM SEKOLAH TANPA TUNAI'.

BSN telah memperkenalkan '**Sekolah Tanpa Tunai**' atau lebih dikenali sebagai '**Sekolah Cashless**' pada tahun 2019. Sehingga Mac 2022, sebanyak 64 buah sekolah telah berdaftar sebagai '**Sekolah Tanpa Tunai**'. Program ini akan mengubah kaedah pembayaran sedia ada di kantin sekolah, kedai buku dan kedai koperasi kepada pembayaran tanpa tunai. Bestkan!



Pengumuman 4 Sekolah Baharu

Sehingga April 2022, terdapat empat (4) sekolah baharu yang telah menyertai '**Keluarga BSN**' sebagai '**Sekolah Cashless**'. Berikut adalah senarai sekolah tersebut :

- i. SMKA Maahad Hamidiah Kajang, Selangor
- ii. SMK Seri Desa, Selangor
- iii. SMA Al-Ehya Al- Karim, Melaka
- iv. SMA Maahad Al-Aziz, Perak

Tahniah diucapkan kepada semua sekolah yang telah menjadi sebahagian daripada '**Keluarga BSN**'.



Info tambahan:

Sekolah yang menyertai '**Program Cashless**' akan memperolehi mata tambahan bagi '**Program Insentif BSJ**' dengan sebarang penglibatan sekolah dalam aktiviti akademik dan kokurikulum (mewakili daerah, negeri atau negara).



Highlight / peringatan

Bagi sekolah yang telah mewakili aktiviti kokurikulum, sila e-mel sijil / bukti penyertaan melalui celikkewangan@bsn.com.my bagi mendapatkan mata ganjaran untuk insentif tunai sekolah melalui 'Program BSJ Insentif'.

INFO SEMASA



AMARAN: SCAMMER

Tahukah anda bahawa penipuan jenayah siber kian menjadi isu hangat di Malaysia? Pastikan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada dengan '**scammer**'. Ingat tau, jangan sesekali berkongsi data peribadi anda dan keluarga agar tidak dicerobohi oleh orang lain.



Adakah anda tahu apakah itu data peribadi?

Data peribadi merupakan data sulit seperti nama, alamat, no. kad pengenalan, no. akaun bank dan kesemua data dan maklumat tersebut adalah **RAHSIA**. Shhhhhh jangan bagitau sesiapa yang tidak dikenali ok.

AKTIVITI PROGRAM INSENTIF BSJ



i. Festival Chess Online - 11 Jun 2022



ii. Cabaran E-Sukan Program Insentif BSJ - Roblox & FIFA Mobile

Sila klik disini

[Laman Web Cabaran E-Sukan](#)

bagi keterangan lebih lanjut

ANNOUNCEMENT / PENGUMUMAN

Jika murid-murid mempunyai masa lapang, mohon kerjasama untuk mengemas kini data peribadi di kaunter BSN yang berdekatan terutama sekali maklumat berkaitan sekolah terkini. Ingat, maklumat anda perlulah sentiasa dikemas kini agar memudahkan kami untuk menjejaki anda serta memberikan pelbagai info berkaitan aktiviti menarik yang disediakan oleh BSN.

